

## Produk terbaik pelajar UMP

**Kuantan:** Lima pelajar tahun empat Fakulti Pembuatan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dinobatkan sebagai penerima anugerah 'terbaik antara yang terbaik' kategori pelajar dalam Pertandingan Reka Cipta, Kreatif dan Inovasi (CITREX) 2019 di sini, semalam.

Lima pelajar itu menghasilkan mesin dinamakan Seal Strength Tester Machine (SSTM) yang digunakan untuk menguji sama ada bungkus produk mempunyai kebocoran secara automatik.

Kumpulan itu terdiri daripada Nurul Jannah Baharuddin, 23, Puteri Nur Najihah Roslan, 23, Faris 'Imadi Shamsul, 25, Muhammad Zulhilmi Shamsul Amran, 23,

dan Edward Ang Sheng Hui, 23.

Ketua kumpulan berkenaan, Nurul Jannah berkata, mesin yang dihasilkan sejak tahun lalu itu sesuai untuk saiz bungkuskan berbeza.

"Sebelum ini, kebanyakan kilang menggunakan pekerja mereka untuk mengasaskan produk yang bocor.

"Justeru, mesin ini dapat mengurangkan penggunaan tenaga pekerja manusia dan memastikan produktiviti lebih efisyen.

"Kelebihan mesin ini juga adalah lebih kecil dan sesuai untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Setakat ini ada satu syarikat yang berminat untuk membeli mesin ini," katanya selepas majlis



NURUL Jannah (dua dari kanan), Puteri Nur Najihah, Faris 'Imadi dan Muhammad Zulhilmi dipilih memenangi anugerah Best of The Best Student pada Pertandingan Permeran CITREX 2019 UMP Kampus Gambang, semalam.

penutup pertandingan berkenaan di sini, semalam.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah pertandingan berkenaan disempur-

nakan Naib Canselor UMP Prof Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim.

Menurutnya, mereka berbangga dan berpuas hati apa-

bila hasil usaha selama 13 minggu membuatkan kejayaan cemerlang.

Sementara itu, Daing Nasir berkata, pertandingan me-

masuki edisi kesembilan itu menyaksikan 407 penyertaan daripada UMP, universiti awam (UA) dan sekolah menengah dari seluruh negara.